

20 FEB 2003

PEMUDA UMNO MAHU BANK MUDAHKAN PINJAMAN KECIL

PUTRAJAYA, 20 Feb (Bernama) -- Kementerian Kewangan hari ini diminta mengarahkan bank supaya menubuhkan unit khas bagi berurusan dengan peminjam kecil.

Cadangan itu disampaikan oleh Biro Ekonomi Pemuda Umno dalam satu dialog dengan Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis di Kementerian Kewangan di sini hari ini.

"Kita meminta bank-bank ini menubuhkan unit pinjaman kecil dengan proses pinjaman yang diberi ini tidak memerlukan cagaran. Apa salahnya bank-bank ini memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil tanpa mengenakan cagaran," kata pengerusi biro itu, Said Anuar Said Ahmad selepas pertemuan itu.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa bank-bank tempatan menubuhkan jabatan khas bagi berurusan dengan peminjam kecil.

-- BERNAMA
ERE AHH MAI